



**Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang**  
**Tingkat 7, 8 & 9, Menara JKP, 128, Jalan Macalister, 10400 Pulau Pinang**  
**No. Tel : 04-2260305**

**TAWARAN KERJA-KERJA PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN  
DAN PEMBAHARUAN SIJIL SISTEM PENCEGAHAN KEBAKARAN  
DI WISMA BAITULMAL ATAS LOT 8872, MUKIM 6,  
KEPALA BATAS, SEBERANG PERAI UTARA**

Kontraktor-kontraktor **Bumiputera** yang mempunyai lesen berdaftar dijemput untuk menyertai tawaran kerja-kerja seperti di atas seperti maklumat berikut :

Lokasi/ Daerah	Premis	Jenis Perkhidmatan
Jalan Bertam, Kepala Batas, SPU	Wisma Baitulmal, Bangunan Pejabat 4 tingkat	<ul style="list-style-type: none"><li>a) Menyelenggara dan memeriksa perkhidmatan keselamatan bangunan (<i>water pump, hose reel, fire alarm</i> dan lain-lain berkaitan); dan</li><li>b) Memperbaharui sijil dan menyelenggara 20 unit alat pemadam api; dan</li><li>c) Membekal 20 unit alat pemadam api sementara bagi sepanjang tempoh tindakan perkara (b).</li></ul>

Penyebutharga yang berminat boleh mengemukakan tawaran harga dan ditulis "**TAWARAN KERJA-KERJA PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN DAN PEMBAHARUAN SIJIL SISTEM PENCEGAHAN KEBAKARAN DI WISMA BAITULMAL**" di bahagian atas (kiri) sampul surat dan perlulah dimasukkan ke dalam peti yang disediakan di alamat Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, **Tingkat 9, Menara JKP, 128 Jalan Macalister, 10400, Pulau Pinang** pada atau **sebelum 10 Januari 2025 (Isnin) jam 12.00 tengah hari.**

## LAMPIRAN A

### ***SYARAT-SYARAT WAJIB PENYERTAAN SEBUTHARGA/ TENDER***

1. Setiap penender/ penyebutharga diwajibkan untuk mengemukakan Profil Syarikat dengan disertakan lampiran-lampiran seperti berikut:-
  - i. Sila sertakan salinan Lesen/ Pendaftaran Syarikat.
  - ii. Salinan Memorandum And Articles of Association, Borang 9, Borang 24, Borang 44 dan Borang 49 (sekiranya ada).
  - iii. Salinan Penyata Akaun Bank bagi 3 bulan yang terakhir (bulan Oktober - Disember 2024).
  - iv. Salinan Lesen PKK dan/atau CIDB.
  - v. Salinan kursus-kursus/ sijil-sijil yang telah dihadiri dan diperolehi bagi kerja-kerja yang berkaitan.
  - vi. Mengemukakan Surat Akuan yang menyatakan tidak akan menawarkan atau memberi rasuah sebarang sogokan untuk mendapatkan kontrak/kelulusan kerja.
2. Pelawaan adalah dibuka kepada kontraktor yang berdaftar di **Negeri Pulau Pinang** sahaja.
3. Kontraktor diberi tempoh **3 Minggu** untuk menyiapkan kerja-kerja ini dari tarikh penerimaan kontrak ini.
4. Sekiranya kontraktor ditawarkan menjalankan kerja, kontraktor berkenaan perlulah :
  - i. Pihak kontraktor dikehendaki bertanggungjawab sepenuhnya ke atas tapak bina dan keselamatan pekerja-pekerja di tapak.
  - ii. Segala kerosakan barang di tapak dan kehilangan bahan-bahan binaan di tapak adalah tanggungjawab pihak kontraktor.
  - iii. Pihak kontraktor bertanggungjawab untuk menguruskan serta mengatasi segala masalah-masalah dan halangan lain di tapak (sekiranya ada).
  - iv. Kerja-kerja yang dilaksanakan oleh pihak kontraktor adalah di bawah penyeliaan kakitangan oleh pihak Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) atau pihak-pihak lain yang ditauliahkan.
  - v. Bahan-bahan binaan yang hendak digunakan hendaklah mendapatkan persetujuan dan kelulusan dari pihak MAINPP terlebih dahulu sebelum kerja-kerja dijalankan terlebih dahulu sebelum kerja-kerja dijalankan.
5. Sekiranya pihak syarikat yang telah ditawarkan menarik diri tanpa alasan yang munasabah, pihak MAINPP boleh mengikut budi bicaranya menyenarai hitam (*Black List*) syarikat berkenaan pada sebutharga-sebutharga yang akan datang.

**NOTA :** Sekiranya pihak kontraktor/ pembekal gagal mengemukakan butiran-butiran syarikat seperti dikehendaki di atas maka MAINPP mengikut budi bicara boleh mengambil tindakan-tindakan untuk menolak secara terus tanpa memberi pertimbangan ke atas harga tawaran yang dikemukakan.